



PANDUAN ATURAN KERJA FLEKSIBEL  
**KERJA BERMUSIM**

# Apakah Kerja Bermusim?

Kerja Bermusim ialah aturan untuk pekerja bekerja secara khusus semasa tempoh bermusim/puncak, atau untuk projek tertentu bagi menampung beban kerja tambahan.

## 01 | Sepenuh Masa

Waktu purata bekerja 40 jam seminggu dan pekerja menerima faedah yang sama seperti pekerja sepenuh masa.



## 02 | Separuh Masa

Pekerja bekerja kurang daripada 40 jam seminggu dan menerima faedah yang setimpal dengan jam bekerja.



## 03 | Sambilan

Pekerja tidak mempunyai bilangan jam kerja yang ditetapkan setiap minggu. Pekerja kasual biasanya mempunyai gaji yang lebih tinggi tetapi tidak mendapat faedah sebagai pekerja sepenuh masa atau pekerja separuh masa.



# Faktor-faktor keberkesanan Kerja Bermusim

## 01

Jangkaan pencapaian dinyatakan dengan jelas untuk pekerja bermusim berkaitan dengan produktiviti dan output.




## 02

Mempertimbangkan isu berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan untuk pekerja bermusim jika melibatkan waktu kerja yang lebih panjang.

## 03

Pekerja mempamerkan kerja berpasukan dan penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan.

# Cabaran mendatang dan tindakan penyelesaian bagi pelaksanaan Kerja Bermusim

Cabaran	Penerangan	Tindakan Penyelesaian
 <p><b>Pekerja bermusim mungkin tidak berintegrasi dengan baik dengan pekerja sepenuh masa</b></p>	<p>Perkerja bermusim menjadi tenaga kerja tambahan sementara. Hal ini menyukarkan mereka membina hubungan yang baik dengan pekerja sepenuh masa atau antara pekerja bermusim itu sendiri.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan program orientasi yang memperkenalkan pekerja bermusim antara satu sama lain dan pekerja sepenuh masa. Program ini bertujuan membantu mereka membina hubungan kerja yang lebih baik sepanjang tempoh projek dijalankan.</li> </ul>

# Siapakah yang mendapat manfaat daripada pengaturan Kerja Bermusim?

Majikan yang ingin mencapai objektif perniagaan seperti yang berikut:



Memastikan bilangan pekerja mencukupi sepanjang tempoh bermusim atau puncak.



Mengekalkan bakat terbaik.

Pekerja yang memenuhi kriteria seperti yang berikut:



Pekerja sepenuh masa dan pekerja separuh masa yang ingin menukar aturan kerja kepada aturan Kerja Bermusim.



Individu luar yang berkeelayakan yang bersedia untuk bekerja sepanjang tempoh bermusim atau puncak.



ISI PENTING:

## Menghadapi Masa Hadapan

Kerja bermusim menjadi panduan tuntutan kerja masa hadapan kerana adanya peningkatan trend dalam tenaga kerja yang melibatkan kerja luar jangka (ekonomi jangka pendek).

# Komponen-komponen utama dalam polisi



## Tujuan

Menggariskan objektif pelaksanaan Kerja Bermusim selaras dengan objektif perniagaan dan keperluan pekerja.



## Kelayakan

Menentukan kumpulan sasaran yang layak memohon aturan Kerja Bermusim dengan mempertimbangkan pelbagai faktor seperti jenis kerja, tugas dan tanggungjawab.



## Jenis Aturan Kerja Fleksibel

Menjelaskan definisi Kerja Bermusim dan jenis kerja yang berbeza bagi aturan ini.



## Pengurusan Prestasi

Menjelaskan bahawa proses pengurusan prestasi kerja hanya akan digunakan untuk tempoh pengaturan kerja.



## Pampasan dan Faedah

Menjelaskan bahawa gaji, pampasan dan faedah lain perlu disemak mengikut skop dan tempoh kerja.




## Kajian Semula Polisi

Menyatakan kekerapan polisi perlu dikaji semula oleh Unit Sumber Manusia (contohnya setiap suku tahun atau setiap tahun) dan polisi tersebut boleh dipinda atau dihentikan jika tidak memenuhi objektif perniagaan.

Di TalentCorp, kami membantu syarikat untuk memulakan pelaksanaan Aturan Kerja Fleksibel (FWA). Kami memberikan sokongan nasihat dan perkongsian amalan terbaik untuk membantu syarikat menguruskan cabaran-cabaran FWA dari segi organisasi dan sumber manusia. Kami sedia memberikan penyelesaian yang bersesuaian dengan keperluan perniagaan anda, sama ada untuk melaksanakan, mempertingkatkan atau mempromosikan FWA bagi syarikat anda.

## Ingin memulakan perjalanan FWA anda?

Hubungi kami melalui e-mel [flexworklife@talentcorp.com.my](mailto:flexworklife@talentcorp.com.my)  
atau layari laman sesawang kami di [www.talentcorp.com.my](http://www.talentcorp.com.my)



**TalentCorp**  
KUMPULAN SYARIKAT

Talent Corporation Malaysia Berhad (201001035653)

Level 6, Surian Tower, No. 1 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara  
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

T +603 7839 7000

E [flexworklife@talentcorp.com.my](mailto:flexworklife@talentcorp.com.my) W [talentcorp.com.my](http://talentcorp.com.my)



TalentCorpMsia



TalentCorpMsia



TalentCorpMsia



Talent Corporation Malaysia Berhad

©2021 Talent Corporation Malaysia Berhad (201001035653). Hak cipta terpelihara.

Walaupun setiap usaha telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat yang terkandung dalam penerbitan ini, TalentCorp tidak menjamin dan tidak membuat pernyataan atau jaminan sama ada tersurat atau tersirat, terhadap kelengkapan, ketepatan, kebolehpercayaan atau kesesuaian maklumat atau grafik berkaitan yang terkandung dalam penerbitan ini untuk sebarang tujuan. Sebarang pergantungan pada maklumat yang diberikan adalah sepenuhnya atas risiko sendiri. TalentCorp, atau mana-mana pekerjanya, tidak bertanggungjawab ke atas keistimewaan, secara langsung atau tidak langsung, berpengaruh, atau kerosakan sampingan atau apa-apa kerosakan, sama ada dalam pelanggaran kontrak atau apa-apa salah laku, yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan maklumat dan kandungan penerbitan ini.